

Nik Aziz batal hasrat muzakarah

Utusan Online

26 Mei, 2012

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan ASMA HANIM MAHMOOD

KOTA BHARU 25 Mei - Setelah beberapa kali mempertahankan pendirian untuk mengadakan muzakarah dengan UMNO, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini membuat keputusan membatalkan hasrat itu.

Bercakap kepada pemberita selepas kuliah mingguannya di sini, Nik Abdul Aziz memberi alasan beliau terpaksa berbuat demikian kerana hasratnya untuk meneruskan muzakarah dengan UMNO bertentangan dengan keputusan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menolak langkah tersebut.

Selain itu seperti biasa, Nik Abdul Aziz turut mengaitkan tindakan berkenaan dengan dakwaan kononnya berlaku banyak manipulasi dalam isu muzarakah antara kedua-dua parti terbesar orang Melayu itu.

Oleh itu, menurut Nik Abdul Aziz, beliau harus mengikut pendirian Abdul Hadi serta tidak memanjangkan lagi isu tersebut.

"Muzakarah Presiden sudah tarik, tidak mahu kerana terlalu banyak manipulasi, beliau hendak bermuzakarah dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sahaja, jadi saya pun terpaksa tariklah," katanya.

Diminta mengulas mengenai saranan Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali supaya diadakan di antara Pas dan UMNO di Kelantan terlebih dahulu, Nik Abdul Aziz berkata:

"Tak usah, tak usah, tak boleh. Kita berjemaah, kita turut tok imam."

Sementara itu, di KUALA TERENGGANU, Abdul Hadi berkata, beliau tidak akan berganjak daripada pendiriannya bahawa parti itu tidak perlu mengadakan muzakarah dengan UMNO.

Ini kerana, jelas beliau, keputusan itu dibuat oleh beliau sebagai pemimpin tertinggi yang mewakili parti berkenaan.

Beliau menyatakan perkara itu kepada pemberita selepas mengimamkan solat Jumaat seterusnya merasmikan Masjid Mujahidin di Kampung Bukit Gasing, Seberang Marang di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0526&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm